

## Analisis Perbezaan Qira'at dalam Ayat Wudhuk dan Relevansinya dengan Sains

Mohd Nazir Kadir<sup>a\*</sup>, Mif Rohim Noyo Sarkun<sup>b</sup>, Khairuzaman Kadir<sup>c</sup>

<sup>a</sup>Faculty of Islamic Civilisation, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor, Malaysia

<sup>b</sup>Malaysia<sup>c</sup>Universitas Hasyim Asy'ari Tebuireng Jombang, Indonesia

<sup>c</sup>Universiti Kebangsaan Malaya (UKM), Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

\*Corresponding author: nazirkadir@yahoo.com

### Abstract

This article is a research on the relevance of science to the differences of qiraat regarding wudhu' in Surah al-Maidah, verse 6. The focus of the research is on the differences of perspectives in qiraat depending on the act of al-ghaslu or al-mashu to our feet and its wisdom with scientific discoveries. The data of this article are collected through library research together with textual analysis and science. Research shows that the majority of scholars agreed upon the act of al-ghaslu while Syiah agreed upon the act of al-mashu. However, the majority of scholars explain that the act of al-mashu refers to the act of sweeping the khuf. The relevance of science shows that the act of al-ghaslu and al-mashu are useful towards our body and emotion.

*Keywords:* Hafs and Syu'bah; al-Ghaslu; al-Mashu; Nature of Science & Differences in Qiraat

### Abstrak

Artikel ini adalah mengkaji relevansi sains terhadap perbezaan qiraat berkaitan ayat wudhuk, surah al-Māidah, ayat ke-6. Kajian menumpukan perbezaan qiraat dari dua wajah qiraat sama ada dengan perbuatan al-ghaslu atau al-mashu pada anggota kaki dan hikmahnya dengan penemuan sains. Semua data untuk artikel ini diperolehi melalui kajian perpustakaan dengan menggabungkan analisis tekstual dan sains. Hasil kajian menemukan perbuatan al-ghaslu merupakan pendapat jumhur para ulama, sementara al-mashu pula pendapat Syiah. Walau bagaimanapun jumhur ulama menjelaskan al-mashu merujuk kepada perbuatan menyapu khuf. Relevansinya dengan sains menemukan bahawa perbuatan al-ghaslu dan al-mashu adalah sangat bermanfaat kepada tubuh badan serta emosi.

*Kata kunci:* Hafs dan Syu'bah; al-Ghaslu; al-Mashu; Sains Natural & Perbezaan Qiraat

© 2015 Penerbit UTM Press. All rights reserved

### 1.0 PENDAHULUAN

Wudhuk merupakan salah satu cara bersuci sebagaimana yang diaturkan oleh Allah SWT. Tidak sah solat tanpa wudhuk. Hubungan wudhuk dengan air sangat rapat kerana sifat alami air adalah bersih suci dan bersifat menyuburkan tanah yang telah gersang (*al-Furqān*, 25: 48&49). Oleh itu air yang diguna untuk taharah merupakan ibadah bagi 'membersihkan' hadas kecil, sekiranya air tidak ada barulah dengan alternatif lain digunakan, tayamum. Semua penyucian itu memiliki tujuan yang sama, menyucikan diri dan lebih layak untuk *taqarrub* kepada Allah SWT (Yunasril Ali, 2012: 43). Kepentingan bersuci semakin nyata ketika Islam menggariskan langkah pertama untuk masuk Islam adalah mandi, barulah mengucap dua kalimah syahadah. Semua itu menjurus kepada kebersihan dan kesucian lahiriah mahupun batiniah.

Oleh kerana wudhuk merupakan perintah dari Tuhan, maka terdapat hikmah dan falsafah yang terkandung di sebalik pensyariatannya. Menurut Agus N. Cahyo banyak golongan terutamanya orang Barat, bahkan orang Islam yang cenderung aliran liberal menilai agama Islam tidak rasional, hanya tertumpu pada ibadah sahaja tanpa ada nilai ilmiahnya. Justeru dengan penemuan ilmiah kaitan ibadah dan sains menjadikan seseorang lebih yakin, ini kerana kadangkala perintah ibadah tidak dilihat ilmiahnya, menjadi alasan mereka tidak mahu melakukan seperti orang Islam yang lain (2012: 11). Memang apa jua ibadah ia dianggap pengabdian hamba kepada Tuhannya, namun bagi mereka yang sentiasa memikirkan kerasonalan antara ibadah dan sains, ia mampu memberi input yang berguna dalam keyakinan mereka kepada syariat.

Sehubungan itu hubungkait sains dan al-Quran bukanlah ujikaji terhadap Tuhan kerana Tuhan adalah Maha Sempurna, tidak memerlukan bantuan dari pihak lain. Kenyataan ini dikuatkan oleh Ramli Awang & Nasir Ripin (2008: 17) kerana Tuhan bukanlah fenomena alam, tidak ada satu pun ujikaji yang dapat menguji andaian (*hypothesis*) tentang Dia. Syaikh Mahmud Syaltut, bekas Syaikh al-Azhar dalam pendahuluan tafsirnya menyebut, "Allah tidak menurunkan Al-Quran untuk memberitahu kepada manusia teori-teori saintifik dan teknik-teknik teknologi. Apa jua yang disebutkan dalam al-Quran berhubung dengan rahsia-rahsia penciptaan dan fenomena alam

adalah bertujuan untuk mendorong manusia membuat andaian serta pertanyaan terhadap perkara tersebut yang dengannya keimanan mereka bertambah” (Azmi Shah Suratman *et al.*, 2008: 14&17).

## ■2.0 DEFINISI WUDHUK

Wudhuk menurut maksud Bahasa diambil dari kata elok dan bersih. Menurut syarak ialah perbuatan menggunakan air pada anggota-anggota tertentu beserta niat (Mustafa al-Khin *et al.*, 2008: 64). Oleh itu berdasarkan definisi tersebut, wudhuk digambarkan sebagai satu perbuatan yang dapat mengelokkan, membersihkan dan menyerikan anggota-anggota wudhuk. Sabda baginda s.a.w. bermaksud: “*Sesungguhnya umatku dipanggil pada hari kiamat dalam keadaan bercahaya wajah-wajah, tangan-tangan dan kaki-kaki mereka kerana kesan dari wudhuk*” (HR Bukhari & Muslim).

## ■3.0 AYAT KHILAF SERTA TAUJĪH QIRĀ’ĀT

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَاطَّهَّرُوا وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ أَوْ لَامَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا فَامْسَحُوا بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ مِنْهُ مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ وَلَكِنْ يُرِيدُ لِيُطَهَّرَكُمْ وَلِيُتِمَّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ (٦)

Bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadad kecil), maka (berwuduklah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku, dan sapulah sebahagian dari kepala kamu, dan **basuhlah kedua belah kaki** kamu meliputi buku lali; dan jika kamu junub (berhadad besar) maka bersucilah dengan mandi wajib...”

(Surah al-Māidah, 5: 6)

Perbezaan bacaan adalah pada lafaz (وَأَرْجُلَكُمْ). Nafi’, Ibn ‘Amir, al-Kisa’i, Ya’qub dan Hafṣ membacadenan *fathah* pada huruf Lam (وَأَرْجُلَكُمْ) – *nasab*. Manakala baki qurra’ dengan *kasrah* (وَأَرْجُلِكُمْ) – *khafad* (Ibn al-Jazari, j2, 2002: 191). Bagi qiraat *nasab*, lafaz (وَأَرْجُلَكُمْ) di ‘atafkan kepada anggota-anggota yang wajib dibasuh muka dan tangan (عطف المغسول على المغسول). Menurut Ibn Zanjalah, oleh itu kaki menjadi salah satu anggota yang wajib dibasuh selain muka dan tangan. Menurutnya lagiia dinamakan sebagai *taqdim* dan *ta’khīr fī al-Qur’ān* (2001: 221). Sebagaimana teguran sayidina ‘Ali r.a. ketika mendengar kedua-dua anaknya al-Hasan dan al-Husain membaca dengan *khafad* (وَأَرْجُلِكُمْ). Kata ‘Ali; ‘Bacalah dengan (وَأَرْجُلِكُمْ) – *nasab*, ini adalah *taqdim* dalam al-Quran’ (Al-Qurtubi, 2004: 62). Sementara qiraat *khafad* pula, menurut Ibn Zanjalah kerana lafaz (وَأَرْجُلَكُمْ) di ‘atafkan kepada anggota-anggota yang wajib disapu (عطف الممسوح على الممسوح), iaitu ‘ataf kepada (رؤوسكم) (2001: 223), sama ada pada lafaz dan makna. Ini bermakna lafaz (وَأَرْجُلَكُمْ) ia di ‘atafkan kepada anggota sapu (kepala) dan dari sudut makna, ia hendaklah disapu. Sementara bagi wajah bacaan *khafad*, ‘ataf berlaku hanya pada lafaz tanpa makna’ (Abdul Karim ‘Awad, t.th: 106).

## ■4.0 PANDANGAN ULAMA TERHADAP PERBEZAAN QIRAAAT: AL-GHASLU – AL-MASHU

Para sarjana Islam berselisih pendapat dalam pada kalimah (وَأَرْجُلَكُمْ), sama ada dibaca dengan *nasab* atau *khafad* sepertimana yang disebut oleh al-Zamakhshari dalam tafsirnya *al-Kasasyāf* (Wahbah al-Zuhayli, j1, 2003: 224). Justeru, para fuqaha memberi pelbagai pandangan bagi lafaz (فَاغْسِلُوا) dan (وَامْسَحُوا). Lafaz (فَاغْسِلُوا) adalah *fi’il amar* – suruhan, dari kata kerja (غَسَلَ). Wahbah al-Zuhayli memberitahu maksud yang lebih sempurna sesuai dalam perbincangan bersuci ialah melakukan air pada sesuatu untuk menghilangkan sesuatu benda seperti kotoran dan seumpamanya. Manakala lafaz (وَامْسَحُوا) juga *fi’il amar*, dari kata kerja (مَسَحَ) dan maksud yang dikehendaki syarak ialah mengenakan sesuatu tempat yang hendak disapu dengan benda yang basah atau lembab (j1, 2003: 103).

### Pendapat Pertama

Para sarjana menerangkan tuntutan terhadap kaki ketika berwudhuk adalah adalah dengan membasuh (*al-ghaslu*), tidak sekadar menyapu (*al-mashu*). Ini merupakan pendapat jumur ulama berdasarkan hujah-hujah berikut:

1. Berdasarkan perbuatan nabi s.a.w. dan para sahabat serta *tabi’in*. Malah ia dianggap wajib oleh ijmak umat Islam (Wahbah al-Zuhayli, j1, 2003: 105) dan juga oleh *al-aimmah al-arba’ah* (Ibn Rusyd, 2003: 383). Menurut Ibn al-Jaziri dalam *al-Fiqh ‘ala al-Mazhab al-Arba’ah*, sepakat ulama empat mazhab tanpa khilaf pada empat anggota yang wajib; muka, dua belah tangan hingga ke siku, menyapu keseluruhan kepala atau sebahagiannya dan membasuh kedua belah kaki hingga ke dua buku lali (2004: 48). Pernyataan ini dikuatkan dengan hadith ‘Amr bin ‘Utbah dalam riwayat Ahmad, bermaksud: “Kemudian baginda s.a.w. menyapu kepalanya sepertimana yang diperintahkan Allah, kemudian baginda membasuh kedua kakinya hingga ke dua buku lalinya juga sepertimana yang diperintahkan Allah”.
2. Al-Qurtubi menjelaskan mereka yang membaca dengan *nasab* menjadikan kedua belah kaki wajib dibasuh, bukan hanya disapu kerana ‘amilnya adalah perbuatan (فَاغْسِلُوا) (Al-Qurtubi, j3, 2004: 462). Oleh itu kaki merupakan anggota wudhuk yang wajib dibasuh.
3. Wujudnya **hadith-hadith berkaitan ancaman**, seperti riwayat ‘Abdullāh bin ‘Umar r.a., dari Abu Hurairah r.a., dari Jabir bin ‘Abdullāh r.a. (وَيْلٌ لِلْأَعْقَابِ مِنَ النَّارِ) – “Celakalah tumit-tumit dari api neraka”. Menurut al-Syawkani, hadith tersebut dikaitkan

dengan balasan azab api neraka adalah kerana mereka tidak membasuh kaki ketika berwudhuk (j1, 2004: 183-185). Oleh itu ancaman azab menunjukkan ketegasan supaya membasuh kaki di samping menunjukkan agar menjauhi dari terkenanya azab tersebut. Kata al-Qurtubi, seseorang itu tidak akan diazab melainkan kerana meninggalkan perkara yang diwajibkan (j3, 2004: 64).

4. Seterusnya **thubut suruhan baginda s.a.w. adalah berdasarkan percakapan dan perbuatan baginda sendiri** sepertimana dari maksud hadith berikut; Dari Humrān (seorang sahabat, anak kepada Abān dan hamba ‘Uthmān) bahawa saiyidina ‘Uthmān r.a. pernah memanggil beliau untuk mengambil air untuk berwudhuk. Lalu beliau berkata, “*Aku pernah melihat Rasulullah s.a.w. mengambil wudhuk sepertimana wudhukku ini juga*” (HR al-Bukahri & Muslim). Dalam *athar* tersebut disebut bahawa baginda membasuh kedua belah kakinya.
5. Hadith **suruhan agar (تخليل الأصابع)** – meratakan atau diselati setiap jari jemari tangan dan kaki. Sabda baginda s.a.w. bermaksud; “*Apabila kamu berwudhuk maka ratakanlah (menyelati) jari tangan dan kakimu*” (HR Ahmad, Ibn Majjah & at-Tirmizi).
6. Dengan **tahdīd** atau had pada lafaz (إلى الكعبين). Melalui potongan ayat tersebut al-Zajjāj menyebut dalil yang menunjukkan perbuatan membasuh kaki itu wajib adalah kerana wujudnya *tahdīd*, dengan ditentukan had membasuh kaki *hingga ke dua buku lali* (إلى الكعبين) seperti perbuatan membasuh tangan *hingga ke siku* (إلى المرافق). Sementara perbuatan menyapu kepala pula tidak ditahdīdkan (Muhammad al-Habsy, 1999: 244). Bahkan menurut ‘Abdul Karīm ‘Awad (t.th: 116), fungsi *tahdīd* tersebut bertujuan menyatakan perbuatan membasuh tersebut. Sementara itu Muhammad Sayyid Tantāwī menyebut dalam tafsirnya, berdasarkan firman Allah SWT; (إلى المرافق) dan (إلى الكعبين), kebanyakan para fuqaha menjadikan siku termasuk dalam dua belah tangan yang wajib dibasuh dan menjadikan dua buku lali termasuk juga dalam dua kaki yang wajib dibasuh kerana berhujahkan *tahdīd* dengan perkataan (إلى) dengan makna (مع) iaitu ‘bersama-sama’ (j4, 1972: 60). Oleh itu kedua buku lali menjadi wajib kerana ‘bersama-sama’ wajibnya membasuh kedua belah kaki.
7. Mereka juga berhujahkan dengan qiraat *khafad*, kerana *takwil* kalimah (وأرجلكم) **di’atafkan pada lafaz sahaja, tidak pada makna**. Seperti yang terdapat dalam syair-syair arab antaranya qasidah Zahir bin Abi Sullami: (بغدي سوا في المور والقطر). Menurut Ibn Rusyd (j1, 2003: 387), kalimah (وَأَرْجُلَكُمْ) tersebut dibaca dengan *khafad*. Sekiranya di’atafkan kepada *makna*, ia akan dibaca dengan *rafa’* – *dhammah*. Berdasarkan penghujahan pendapat ini, mereka menjadikan *qirā’āt mutawātirah* sebagai hujah melalui bacaan *nasab*.

### Pendapat Kedua

Manakala pendapat kedua adalah wajib menyapu kedua belah kaki (j1, 2003: 383), yang merupakan pendapat al-Tabari, *Rafidah*, Daud dan *al-Imamiyyah* (Al-Qurtubi, j3, 2004: 62, Ibn Rusyd, j1, 2003: 387 & Wahbah al-Zuhayli, 2003: 224). *Al-Imamiyyah* ialah salah satu kumpulan yang terdapat dalam *Syiah al-Rafidah* (Fawahwahida, 2007: 26). Pendapat tersebut juga diriwayatkan oleh sekumpulan jama’ah dari ulama fuqaha dan ahli mufassirin (‘Abdul Karīm ‘Awadh, t.th: 113). Walau bagaimanapun pendapat ini tertolak kerana jauh dari maksud sebagaimana yang dikehendaki oleh nas al-Quran dan hadith berdasarkan dalil-dalil yang telah dinyatakan.

### ■5.0 PANDANGAN ULAMA TERHADAP WUDHU PADA AL-GHASLU KAKI

Berdasarkan perbincangan para sarjana, maksud *al-ghaslu* dalam konteks ayat tersebut adalah membasuh kedua belah kaki ketika wudhuk. Manakala maksud *al-mashu* adalah menyapu kaki ketika memakai *khuf*. ‘Abdullah Barjaz (2005: 65) menjelaskan kedua-dua qiraat tersebut seperti dua ayat yang setiap satunya berkaitan kaki, iaitu wajib dibasuh ketika wudhuk dan wajib disapu ketika memakai *khuf*. Bahkan sunnah menjelaskan menyapu kaki hanya berlaku untuk *khuf* sahaja. Oleh itu berdasarkan kedua-dua wajah qiraat tersebut, Allah menunjuki hambaNya dua bentuk amalan; membasuh kaki ketika wudhuk dan menyapu kaki ketika memakai *khuf*.

### ■6.0 PANDANGAN SAINS TERHADAP STRUKTUR KULIT

Melalui pengetahuan sains natural al-Quran, manusia mengenali proses kejadian manusia, haiwan dan tumbuhan adalah di dasari ilmu mengenali Allah. Antara perkara berkaitan sains natural ialah biologi. Perkataan biologi dalam bahasa Arab disebut *‘ilm hayāt* atau sains hayat, bererti ilmu tentang benda-benda (Yahaya Jusuh & Azhar Muhammad, 2007: 182.). Oleh itu kejadian struktur tubuh manusia termasuk juga dalam sains natural. Begitu juga air serta kaitannya dengan manusia. Begitu besar sumbangan air kepada alam, air menghidupkan bumi yang sebelumnya mati (tidak subur) (*al-Baqarah*, 2: 164), air hujan dari langit membawa rezeki kepada manusia (*al-‘Arāf*, 7: 58) sebagai minuman kepada haiwan dan manusia (*al-Furqān*, 25: 49). Ali Abdul Hamid (2002: 361) menyebut, ahli fizik mengatakan air adalah cairan yang tidak mempunyai warna, rasa dan bau.

Kulit manusia mempunyai saraf-saraf yang jumlahnya mencapai jutaan dan ia membaluti tubuh manusia keseluruhannya, anti kepada kemasukan air, anti hama-hama penyakit dan bakteria yang berkeliaran di udara (Abu ar-Razi al-Ahmadi, 2002: 45). Bahagian tersebut dinamakan sebagai lapisan epidermis, bahagian kulit luar yang kuat dan susah terobek, iaitu lapisan yang mengandungi ‘kehidupan’. Manakala bahagian dalam pula dinamakan lapisan dermis (H. Utang Ranuwijaya, 2007: 111), yang beroperasi sebagai perasa, kerana merasai segala perubahan rasa sakit, panas, sejuk, sakit, sentuhan lembut, pukulan dan sebagainya. Oleh itu kulit adalah organ yang sangat terdedah kepada segala anasir seperti bakteria, kuman dan habuk, kerana ini Allah menyeru agar manusia memikirkan segala kejadian manusia itu (*al-Zāriyāt*, 51: 21).

Melalui jaringan saraf-saraf pada bahagian dermis, segala maklumat dihantar terus ke pusat saraf (otak) melalui saraf dan kemudian otak terus menghantar outputnya kepada anggota kulit untuk bertindak balas. Oleh itu kulit akan terhindar dari kecederaan pada organ

kulit. Syeikh al-Sya'rawi memberitahu ketika para doktor kini menyatakan sel deria berada di bahagian dalam kulit, Allah sejak 15 kurun yang lampau telah pun memberitahu hakikat fenomena tersebut di dalam al-Quran (*al-Nisāk*, 4: 56) – “Kami akan membakar mereka dalam api neraka, tiap-tiap kali kulit mereka masak hangus, Kami gantikan untuk mereka kulit yang lain supaya mereka dapat merasa azab sengsara itu”. Oleh itu tempat merasa kesakitan adalah kulit (Ali Abdul Hamid, 2002: 615).

Selain itu kulit berfungsi sebagai memelihara tahap kepanasan tubuh, kerana urat-urat pada pembuluh darah yang sentiasa beroperasi tanpa hentinya akan memanaskan tubuh agar sentiasa seimbang. Begitu juga peluh pada kulit luar berfungsi sebagai menyeimbangkan suhu badan, dapat menurunkan darjah suhu udara yang melekat pada kulit. Apabila suhu tersebut sangat sejuk, maka pembuluh-pembuluh darah akan menjaga suhu tersebut dengan mengurangkan pengeluaran butiran peluh. Ia menyeimbangkan suhu pada 37 darjah celsius, sama ada di kawasan khaltulistiwa ataupun kutub (Abu ar-Razi al-Ahmadi, 2002: 46). Lebih teliti, menurut H. Utang Ranuwijaya pada akhir abad ke-20 para ilmuan menemui fakta menyatakan sistem peredaran darah pada kulit berfungsi sebagai; (1) Memberi makanan nutrisi kepada sel-sel kulit dan (2) Menstabilkan suhu tubuh badan, iaitu dengan menghala hawa kepanasan dari bahagian dalaman ke permukaan kulit dan terus keluar ke alam bebas (2007: 117-118).

Dari beberapa kajian yang dilakukan terhadap kulit, Munirah Binti Abd Razak dan Nik Mohd Zaim Bin Ab Rahim menyebut nama seperti Martin J. Blaser seorang profesor dalam bidang mikrobiologi di Universiti Perubatan, New York menemui bahawa pada permukaan kulit mengandungi 182 spesis bakteria. Pakar sains perubatan telah menjalankan kajian bahawa di bawah kulit manusia terdapat banyak mikroorganisma. Mikroorganisma akan keluar dan berada di hujung rambut dan bulu roma apabila setiap kali manusia berpeluh atau selepas melakukan hubungan kelamin. Apabila seseorang itu keluar berurusan tanpa mandi janabah (wajib) terlebih dahulu maka kekotoran dan mikroorganisma ini akan menjangkiti orang lain. Oleh itu, hikmah diwajibkan mandi wajib ini adalah untuk tujuan pembersihan diri. Dari segi sainsnya pula, bakteria yang terkena air akan mati, akibat tekanan osmosis dalam badan yang tinggi daripada tekanan osmosis di luar badan sehingga air boleh menyerap masuk ke dalam badannya lalu bakteria mati kerana mengalami *overhydration* (Jurnal al-Bayan, edisi 8).

## ■7.0 PANDANGAN SAINS TERHADAP KAKI

Kaki merupakan bahagian tubuh manusia yang paling bawah. Pada bahagian ini terdapat satu bahagian yang tidak ditumbuhi bulu, tapak kaki (begitu juga tapak tangan). Kehebatan skruktur kaki dilihat ketika manusia melangkah jalan. Dalam Ensiklopedia Mukjizat Alquran dan Hadis (2008: 77) menyebut untuk berjalan sebanyak 200 otot yang bergerak, 40 otot di antaranya menggerakkan kaki untuk bergerak ke hadapan.

Wudhuk pula merupakan perbuatan lahiriah dengan membasuh dari segala kekotoran – *taharah*. Tidak cukup itu, ia bertujuan sebagai jalan menyucikan diri dari hadas, kerana tidak dilihat oleh mata. Dengan menggerak-gerakkan tangan ke anggota-anggota wudhuk yang kesemuanya terdedah kepada unsur kekotoran seperti habuk, debu dan asap. Melihat dari kaca mata sains, perbuatan wudhuk adalah *al-ghaslu* – membasuh dan *al-mashu* – menyapu punyai penanannya yang tersendiri disebalik pensyariatian tersebut.

### Al-Ghaslu Kaki

Manusia bukanlah semata-mata aspek jasmani sahaja, selain jasmani terdapat bahagian-bahagian ruhani seperti akal, kalbu dan perasaan. Begitu juga *taharah lahiriyah* dan *ruhaniyah* atau batin. Abu Yazid al-Busthami menghubungkan *taharah lahiriyah* sebagai langkah awal menuju *taharah ruhaniyah*. Oleh itu sebagaimana disebut dalam Buku Induk Rahasia dan Makna, kesucian manusia tidak sempurna hanya mementingkan *taharah lahiriyah* semata-mata kerana yang mendekatkan diri kepada Allah adalah *taharah ruhaniyah* (2012: 31).

Oleh kerana *taharah* dan *hadas* sangat berkait dan *hadas* pula suatu benda yang tidak nampak sulit untuk dinilai secara logik. Orang yang merasakan dirinya seperti ada sesuatu yang tidak kena. Solat tidak boleh, memegang mushaf tidak boleh. Dengan berwudhuk mereka menjadi tenang, emosi tenteram. Sabda baginda s.a.w. bermaksud, ‘*Sesiapa yang berwudhuk dan menggosok-gosok wudhuknya, maka keluarlah dosa-dosanya dari tubuhnya hingga keluar juga apa yang ada di bawah kuku-kukunya*’ (HR Muslim). Malah Ahsin Sakho Muhammad menyebut dengan perbuatan membasuh sambil menggosok – seolah-olah diurut – dapat membuatkan perasaan tenang dan *rileks* kerana dalam kaki terdapat pembuluh balik yang mengalirkan darah ke jantung sehingga jika diurut dapat memberi kerehatan pada seluruh organ tubuh (j2, 2009: 140).

Selain itu Yusuf al-Hajj menyebut anggota wudhuk adalah bahagian-bahagian yang terdedah kepada debu dan mikrob yang membahayakan kulit, lebih-lebih lagi pada kulit. Dengan wudhuk yang sempurna seperti yang ajar oleh baginda s.a.w. mikrob-mikrob tersebut akan tersapu hilang dari permukaan muka (2014: 122). Kenyataan yang serupa yang disebut dalam Ensiklopedi Kemukjizatan Ilmiah dalam al-Qur'an dan Sunah (j2, 2009: 139). Maka tidak hairan jika orang yang selalu berwudhuk wajah mereka berseri kerana dihapuskan dosa-dosa dan terhindar dari mikrob-mikrob berbahaya.

Tambahan pula ketika berwudhuk, seseorang itu dikehendaki mengosok-gosok anggota-anggota yang mana ia akan melancarkan aliran darah dan mengaktifkan kelancaran anggota khususnya dan tubuh badan amnya. Manakala penggunaan air sejuk adalah lebih berkesan dari air panas kerana ia mencergaskan proses penghadaman sebagaimana ia melancarkan fungsi buah pinggang dalam membuang sisa-sisa racun dalam badan.<sup>1</sup>

Dari sudut teori refleksiologi, Mark Silas menyebut, dalam ilmu perubatan tradisional Timur, tubuh manusia mengandungi 12 jalur yang saling berhubung dengan organ-organ tubuh, 6 di tangan dan 6 lagi di kaki. Bahagian kaki mengandungi jalur hati, pankreas (ibu jari), jalur perut besar (jari kedua), jalur hempedu (jari keempat), jalur pundi kencing (kelingking) dan jalur buah pinggang (tengah telapak kaki). Kaki punyai hubugkait dengan jantung, tangan pula dengan otak. Oleh kerana kesihatan tubuh sangat berkaitan dengan otak dan jantung, adalah lebih baik urutan dilakukan serentak pada tangan dan kaki (Mark Silas, 1998: 6&9).

<sup>1</sup>Lihat: [http://albayanjurnal.com/view/articles/26/html#\\_ftn47](http://albayanjurnal.com/view/articles/26/html#_ftn47), 14 Mei 2014.

## Al-Mashu Kaki

Perbuatan menyapu kaki adalah dengan menyapu *khuf*. *Khuf* ialah dua kasut yang diperbuat daripada kulit yang menutupi buku lali pada kedua-dua belah kaki. Merupakan rukhsah yang harus dilakukan oleh lelaki mahupun wanita dalam semua keadaan (Mustofa al-Khin *et al.*, 2008: 79). Dalilnya adalah dari perbuatan baginda s.a.w. dari Jarir bin ‘Abdullah al-Bajali r.a. menceritakan bermaksud; “*Aku melihat Nabi s.a.w. membuang air kecil, kemudian baginda berwudhuk dan menyapu atas kedua-dua khufnya*” (al-Bukhari: 1478 & Muslim: 272).

Antara hikmah pensyariatkan menyapu *khuf* adalah sebagai rukhsah atau keringan kepada ummah. Bagaimana mereka yang berada di negara yang sejuk sepanjang tahun atau di musim dingin, kesejukan air sahaja tidak tertahan. Maka penggunaan *khuf* amat relevan serta praktik. Tidak perlu ditanggalkan ketika berwudhuk, hanya menyapu luaran sahaja (selagi memenuhi syarat-syaratnya). Jadi penggunaan air amatlah minima dan ekonomi.

## 8.0 ANALISIS PANDANGAN ULAMA DAN SAINS TERHADAP AL-GHASLU DAN AL-MASHU

Analisis dari pandangan ulama dan sains terhadap *al-ghaslu* dan *al-mashu* terhadap anggota wudhuk – kaki – adalah seperti berikut :

1. **Perkaitannya dengan psikologi.** Psikologi adalah pecahan dari sains sosial (Yahya Jusuh *et al.*, 2007: 70). Oleh itu dengan melakukan *al-ghaslu* dan *al-mashu* disertai urutan menggosok memberi keharmonian dan ketenteraman kepada emosi atau jiwa serta memberi tidak balas yang baik terhadap tingkah laku manusia. Selain membasuh kaki, niat juga merupakan rukun terawal dalam berwudhuk. Tanpa niat, semua ibadah sia-sia. Begitu besar pengaruh niat dalam Islam dan pengaruhnya terhadap psikologi manusia. Ini kerana menurut Menurut Professor Emeritus Dr. Sir Norhisham Wahab, pengasas Terapi Getaran Warna (CVT), air dan niat air sebenarnya mempunyai getaran gelombang yang bertindak mengikut niat kita. Ia dapat merakam mesej gelombang *elektromagnetik* dalam bentuk cahaya ke dalam tubuh melalui niat.<sup>2</sup> Oleh itu air yang jatuh ketika membasuh kaki, turut jatuh dosa-dosa hingga keluar dari bawah kuku (HR Muslim). Lebih menakjubkan seseorang yang ketika membasuh kakinya ketika wudhuk berniat dengan ingatan janji Allah akan dihapuskan dosa-dosanya pada bahagian basuhan wudhuk, begitu juga anggota-anggota wudhuk yang lain.
2. **Kebersihan dan kesihatan.** Satu kajian dalam *Jurnal Sains Kejuruteraan*, j.14 bil. 2 yang dilakukan ke atas kandungan bakteria yang terdapat dalam air yang telah digunakan untuk berwudhuk di masjid-masjid, madrasah dan pejabat-pejabat sekitar Mekah dan Jedah di Arab Saudi mendapati bahawa dalam air tersebut terdapat kandungan *bakteria kolon* yang sangat tinggi, kerana kebanyakan orang yang berwudhuk akan membuang air besar atau air kecil terlebih dahulu. Oleh itu, tangan mereka membawa bakteria yang datang dari usus manusia. Ketika membasuh tangan untuk berwudhuk, bakteria tersebut akan jatuh ke dalam air bekas wudhuk mereka (Qurrotul Aien Bt Fatah Yasin, 2012: 13).
3. Perbuatan *al-mashu* **dilarang ketika berwudhuk** kerana bertepatan dengan perbuatan nabi s.a.w. dan para sahabat. Imam al-Bukhari mengatakan dari kata-kata ‘Abdullah bin ‘Amru bahawa sebahagian sahabat berwudhuk dan kaki hanya disapu, sebagai dalil mereka hanya menyapu kaki sahaja, bukan kerana mereka hanya membasuh sebahagian kaki tertentu (Salim ‘Ied al-Hilali, 2006: 279).
4. **Meminimakan penggunaan air** ketika berwudhuk. Ini dapat diketahui dengan qiraat kaki hendaklah disapu – *al-mashu*. Oleh itu ketika kaki disapu – *al-ghaslu*, air hendaklah digunakan seminima mungkin seakan-akan perbuatan *al-mashu* tersebut menyarankan kepada penjimatan. Malah makruh pula jika menggunakan air secara deras dan berlebihan.

## 9.0 KESIMPULAN

Berdasarkan ayat al-Quran – surah *al-Māidah*, ayat ke 6 – dengan kepelbagaian wajah qiraat, para sarjana telah mengeluarkan dua hukum, iaitu berkaitan wudhuk dan mengapu *khuf*. Juhur ulama menetapkan kaki wajib dibasuh – dengan qiraat *nasb*, tidak memadai sekadar menyapu. Sementara dengan qiraat *khafad*, kaki hendaklah disapu hanya ketika pemakaian *khuf* sahaja. Dari wajah qiraat tersebut juga sebahagian pendokong Syiah menyatakan ketika berwudhuk, kaki cukup sekadar disapu sahaja. Kesimpulannya ternyata berdasarkan kedua-dua wajah qiraat tersebut, dengan perbuatan *al-ghaslu* ketika wudhuk dan *al-mashu* ketika tayamum memberi kesan yang positif dan baik dalam relevansinya dengan sains, iaitu meminimakan penggunaan air ketika berwudhuk, bahkan makruh secara berlebih-lebihan. Selain itu ia memberi rangsangan yang baik terhadap jiwa dan perasaan.

## Rujukan

- Abu ar-Razi al-Ahmedi. (2002). *Menyingkap Keajaiban al-Quran Mengikut Kajian Sains*. Pustaka Ilmi, Selangor.  
 Ali Abdul Hamid Abi al-Khair. (2002). *Al-Qur'an san Sains Moden*. cet. 1. PERNIAGAAN JAHABERSA, Johor Bahru.  
 Al-Marbawi. (t.th). *Bulugh al-Maram serta Terjemahan Melayu*. cetakan al-Anwar al-Muhammadiyah, Mesir.  
 Al-Qurtubi. (2004M/1424H). *Tafsīr al-Qurtubi: Al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān*, tahkik Salim Mustafa al-Badri, J. 3, cet 2, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut.  
 Al-Syawkani. (2004M/1425H). *Nail al-Awtār*. J. 1. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut.  
 Azmi Shah Suratman, *et al.* (2008). *Islam dan Cabaran Semasa dalam Sains & Teknologi*. Universiti Teknologi Malaysia.  
 Dr Ahsin Sakho Muhammad, *et al.* (2009). *Ensiklopedia Mukjizat Ilmiah dalam al-Qur'an dan Sunah*. J. 2, cet 1. PT Kharisma Ilmu, Jakarta.  
 Dr Fawahwahida Mohd. Yusof. 2007. *Aliran Kepercayaan Dalam Sejarah Islam*, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai.

<sup>2</sup>Lihat: <http://www.geocities.ws/m2uweb/sihat8.htm>, 14 Mei 2014.

- Dr Muhammad al-Habsy. (1999). *Al-Qirā'āt al-Mutawātirah*, Dār al-Fikr, Beirut.
- Dr Muhammad Sayyid Tantāwi. (1972). *Al-Tafsīr al-Wasīl lil Qur'ān al-Karīm*. J 4. Dār al Sa'adah, Kaheerah.
- Dr Mustofa al-Khin, et al. (2008). *Al-Fiqh al-Manhaji*. (terjemahan). Pustaka Salam, Kuala Lumpur.
- Dr Yunasril Ali. (2012). *Buku Induk Rahasia Dan Makna Ibadah*. cet 1. Penerbit Zaman, Jakarta.
- Hisyam Thalbah, et al. (2008). *Ensiklopedia Mukjizat Alquran dan Hadis*. cet 1. Sapta Sentosa, Jil 2.  
[http://albayanjournal.com/view/articles/26/html#\\_ftn47](http://albayanjournal.com/view/articles/26/html#_ftn47) (14 Mei 2014).  
<http://www.albayanjournal.com/view/articles/26/html#permission-and-reprints> (15 Dec 2014).  
<http://www.geocities.ws/m2uweb/sihat8.htm> (14 Mei 2014).
- Ibn al-Jazari. (2002M/1423H). *Al-Naysr fi al-Qira'at al-'Asyr*. cet 2. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, Lubnan.
- Ibn al-Jaziri. (2004M/1424H). *Al-Fiqh 'alā al-Mazhab al-Arba'ah*. J. 1. Dār al-Hadīth, Kaheerah.
- Ibn Rushd al-Qurtubi. (2003M/1424H). *Bidāyah al-Mujtahid wā Nihāyah al-Muqtasid*, tahkik Syeikh 'Ali Muhammad Mu'awwad dan Syeikh 'Adil Ahamd 'Abdul Mawjud. J. 1. cet 2. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut.
- Ibn Zanjalah. (2001/1422). *Hujjah al-Qirā'āt*. Tahkik Sa'id al-Afghani. cet 5. Muassasah al-Risalah, Beirut.
- Merawat Pesakit dengan Urut Refleksi. (1998). Mark Silas. cet 4. Dārul Nu'man, Kuala Lumpur.
- Mustafa al-Khin, et al. (2008). *Al-Fiqh al-Manhaji*. Darus Salam, Kuala Lumpur.
- Pof. Dr. H. Utang Ranuwijaya. (2007). *Pustaka Pengetahuan al-Quran*. PT. Rehal Publika, Jakarta. J. 1.
- Prof Dr 'Abdul Karim 'Awad. (t.th). *Al-'Jāz fi Ta'addud Wujūh al-Qirā'āt*. Markaz Abda' Littibā'ah.
- Prof Dr Wahbah al-Zuhayli. (2003). *Tafsīr al-Munūr*. J. 1. Dār al-Fikr al-Mu'asir, Syiria.
- Qurrotul Aien Bt Fatah Yasin. (2012). *International Journal on Quranic Research*, 2(2).
- Syaikh Salim bin 'Ied al-Hilali. (2006). *Ensiklopedi Larangan Menurut al-Quran dan al-Sunnah*. cet 3. J. 1. Pustaka Imam Syafii, Bogor.
- Yahaya Jusuh & Azhar Muhammad. (2007). *Pendidikan Falsafah Sains al-Quran*. Cetak Ratu Sdn. Bhd., Johor Bahru. cet 1.